

Headline: **Konsep Mesra Alam**  
 Publisher: EH Magazine  
 Date of Publication: February 2015  
 Section heading: EH! Santai Kota  
 Page number: 138  
 Byline / Author:  
 Outlet featured: GTower



*Dekoran bilik yang ringkas dan moden menambah kelainan.*



## KONSEP MESRA ALAM

*Gabungan gaya moden dan konsep mesra alam menambah lagi keistimewaan Hotel G Tower.*



**H**otel GTower terletak di tengah-tengah ibu kota Kuala Lumpur di antara persimpangan Jalan Tun Razak dan Jalan Ampang. Lokasinya yang strategik di antara kawasan elit diplomatik, pusat perniagaan, beli-belah serta hiburan, menjadikan ia penempatan sementara ideal bagi mereka yang sering mengembara ke ibu kota. Dibuka pada Mac 2010, Hotel GTower dibuka dengan konsep untuk memenuhi keperluan eksekutif perniagaan kerana ia berdekatan dengan pusat perniagaan Kuala Lumpur.

GTower Hotel juga merupakan hotel pertama di Malaysia yang diperakui sebagai hotel mesra alam oleh Singapore BCA Green Mark Gold dan Malaysia Green Building Index. Hotel ini juga diperakui sebagai smart hotel oleh MSC Malaysia Cybercentre. Dengan teknologi mesra alam dan smart, Hotel GTower dibina dengan infrastruktur moden yang masih lagi memertingkatkan keselesaan bagi setiap tetamu.

Menempatkan 180 bilik, hotel ini turut menawarkan pelbagai kemudahan yang dikira khas untuk eksekutif perniagaan dan korporat. Setiap bilik hadir lengkap dengan jalin lebar, servis WiFi, telefon IP serta akses ke The Club iaitu kelab peribadi eksklusif di tingkat empat.

**FINE DINING** Jika anda ingin makan malam di bawah panorama bintang berkelip, Tandini Upperdeck, Hotel GTower ialah lokasi romantik anda. Digelar sebagai salah satu restoran mewah di Kuala Lumpur, ia bertemakan hasan segar yang mencerminkan elegan moden. Restoran ini mampu menampung sehingga 80 orang dalam satu masa dan lengkap dengan dapur fine dining serta ruang istrahat, Cigar Lounge. Cigar Lounge pula ibaratkan lokasi idaman yang manarik bagi peminat setia cerut. Manakala pelbagai sajian gourmet lazat di sini disediakan oleh sekumpulan chef pakar yang diketuai oleh chef eksekutif, Johnny Fua. Pengalaman makan malam dengan hasil kulineri serta dengan persekitaran indah membentuk memori yang tidak mudah dilupakan.

Kunjungi juga The Bridge Bar yang terletak di dalam The Club. The Bridge Bar 'terapung' di antara dua bangunan G-Tower memamerkan pemandangan indah Kuala Lumpur dan salah satu keistimewaan ternyata pada dekorasi lantai kaca yang mana anda boleh melihat kehidupan bandar Kuala Lumpur di bawah anda. Reka bentuk The Bridge Bar seperti sebuah kotak dan dibiasi dengan cemin tinggi, cermin pada sling serta sofa yang selesa. Sesuai sekali untuk menikmati hidangan ringan serta pemandangan indah Kuala Lumpur.

Dalam memastikan kejayaan konsep mesra alam dirasai dan dipraktis, Hotel GTower juga mengamalkan beberapa praktis berikut:

- Menukar minyak berlebihan di dapur dan LG Food Hall sebagai sabun.
- Mengubah lebihan organik di dapur sebagai baja.
- Penghasilan dan penggunaan pencuci bio-enzim.
- Menggunakan kertas kitar semula untuk semua produk cetakan dan beg bawa pulang.
- Meletak tong sampah kitar semula di kawasan awam.
- Pengasingan sampah di dapur dan bahagian pengeloa.

TEKSA AHS JURANG BARBAR HOTEL, G-TOWER